

**Maximus Ongkili ketua panel khas kaji pembaharuan pilihan raya**  
**The Malaysian Insider**  
**22 September , 2011**

PUTRAJAYA, 22 Sept — Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus Ongkili akan mengetuai jawatankuasa pilihan khas Parlimen yang ditubuhkan untuk mengkaji pembaharuan pilihan raya.

Selain beliau (gambar), Barisan Nasional (BN) menamakan Datuk Alexander Linggi, Datuk Seri Mohd Radzi Sheik Ahmad, Tan Sri Dr. Fong Chan Onn dan P Kamalanathan sebagai wakil perikatan itu.

“Nama anggota (BN) telah dibincangkan dan dipersetujui oleh Perdana Menteri,” kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini hari ini.

BN mengadakan mesyuarat khas semalam membincangkan perkara itu.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/maximus-ongkili-ketuai-panel-khas-kaji-pembaharuan-pilihan-raya/>